

Headline **MSU cipta rekod larian baton**
Date **23 Dec 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Sentral**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **5**
Article Size **263 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **5,579**
PRValue **16,736**



MSU cipta rekod larian baton

SHAHALAM: Management & Science University (MSU) terus mencipta rekod baru dalam Malaysia Book of Records, kali ini menerusi kejayaan 80 pelajarnya melengkapkan larian baton tanpa henti sejauh 2,200 kilometer (km), bulan lalu.

Larian selama 168 jam membabitkan tujuh hari enam malam itu dilakukan sempena sambutan Hari Aids Sedunia 2009 pada 1 Disember.

Acara anjuran Unit Pembangunan Kerjaya itu mengatasi rekod disandang sebuah sekolah menengah di Sabah dengan rekod larian baton tanpa henti selama 120 jam.

Presiden MSU dan Kumpulan Kolej PTPL, Datuk Mohd Shukri Ab Yajid, berkata larian itu adalah antara usaha MSU dalam meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat dan pelajar mengenai Aids.

Katanya, MSU dan Kumpulan Kolej PTPL mahu melahirkan pelajar yang bukan saja berjaya dalam bidang pendidikan, malah memiliki daya saing dan berketrampilan tinggi.

"Ketahanan mental dan fizikal boleh meningkatkan daya saing pelajar. Justeru, larian ini bukan semata-mata untuk mencipta rekod, tetapi lebih menjurus kepada kerjasama dan kesungguhan



MOHD SHUKRI bersama pelajar MSU menunjukkan sijil Malaysia Book of Records selepas menamatkan larian baton tanpa henti selama 50 jam sempena Hari Aids Sedunia.

pelajar untuk menamatkan larian," katanya pada majlis meraikan pelajar terbabit, di sini.

Acara bermula di Taman Tasik Shah Alam pada 10 Disember sebelum berakhir di tempat sama 17 Disember lalu.

Mohd Shukri berkata, apa yang penting ialah pelajar berjaya membuktikan mereka boleh melakukan perkara itu.

"Semangat berdaya saing, jati diri dan sanggup menghadapi rintangan dapat saya

lihat dalam setiap diri peserta dan ia membanggakan saya. Semangat juang mengatasi segala-galanya," katanya.

Beliau berkata, program yang dijalankan MSU sentiasa membabitkan pelajar tanpa mengira kaum, sekali gus membuktikan elemen perpaduan dan semangat patriotisme tidak pernah diketepikan.

Sebelum ini, MSU dan Kumpulan Kolej PTPL bergiat aktif dalam memperbaharui rekod dalam Malaysia Book of Records,

antaranya penyusunan syiling RM1 terpanjang (518.40 meter) dan kacau dodol paling lama (14 jam).

Selain itu, larian baton berganti-ganti tanpa henti (50 jam), penyusunan syiling satu sen berbentuk reben Aids terbesar, memasak kacang fowl tanpa henti paling lama, menyusun daun teh dalam bentuk logo kolej PTPL terbesar dan Cabaran Merdeka Kina-balau dengan menghasilkan Jalur Gemilang berukuran 2.3km.